

Headline	Asean diminta wujudkan usaha bersepadu bangunkan industri halal		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	26 Sep 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	19	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	195 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 387
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,161



## Asean diminta wujudkan usaha bersepadu bangunkan industri halal

**BANGKOK:** Sebuah pusat sains halal di Thailand meminta negara-negara Asean mewujudkan usaha bersepadu untuk membangunkan industri halal serantau, menggunakan logo dan sijil yang sama dan diterima pakai di peringkat global.

Pusat Sains Halal Universiti Chulalongkorn (HSC-CU) merasakan bahawa logo dan sijil yang selaras akan diterima oleh semua organisasi dan negara serta membolehkan Asean meneroka pasaran halal yang kini sedang meningkat.

Pembantu pengarahnya, Sulida Wangchi berkata setiap negara anggota Asean kini mempunyai logo dan sijil masing-masing yang tidak diterima pakai secara menyeluruh di seluruh dunia.

Beliau menjangkakan pertumbuhan besar dalam industri halal berikutan peningkatan permintaan untuk makanan halal dan semua produk pengguna yang lain, tetapi sedih berikutan pasaran kini dikuasai negara-negara seperti Brazil, China dan Amerika Syarikat.

“Oleh itu, adalah lebih baik untuk negara anggota Asean bekerjasama menggunakan satu logo dan sijil halal yang akan diterima oleh semua organisasi supaya kita boleh bersaing dengan mereka dan meneroka pasaran halal,” katanya kepada kumpulan wartawan Malaysia yang melawat Pusat Sains Halal universiti itu, di sini.

Lawatan itu adalah sebahagian daripada program untuk media mengenali Thailand anjuran Kementerian Luar Thailand.

Kini, terdapat kira-kira 1.8 bilion penduduk Islam di seluruh negara dan permintaan global bagi produk halal untuk sektor makanan dan bukan makanan dianggarkan AS\$2.3 trilion (RM7.05 trilion).

Sulida berkata negara-negara Asean dengan penduduk Islam seperti Indonesia, Malaysia dan Thailand, perlu ke hadapan dalam mengambil kesempatan terhadap potensi untuk bekerjasama dan saling bantu membantu bagi meneroka potensi besar pasaran halal.

“Pasaran halal adalah masa depan untuk Asean, terutama selepas Komuniti Ekonomi Asean berkuatkuasa pada 2015. Terdapat banyak bidang dalam pasaran halal yang boleh diteroka oleh negara-negara Asean, terutama di kalangan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Asean (OIC).

“Oleh itu, Malaysia, Thailand dan Indonesia perlu menjerajui Asean dalam industri halal dan kita mesti memperkukuhkan kerjasama kita dan menggunakan kepakaran kita bagi memastikan produk halal dari Asean melepasi standard antarabangsa, bermula dari bahan mentah hingga ke rak di kedai,” katanya.

Sulida berkata negara-negara Asean mesti bekerjasama erat memandangkan produk halal dari Asean mungkin menghadapi halangan perdagangan dan cabaran dasar yang lain di luar rantau ini kerana negara-negara lain melindungi produk tempatan mereka.

Beliau juga berkata Thailand berharap untuk bekerjasama erat dengan Malaysia bagi membangunkan industri makanan halal di rantau ini.

The HSC-CU akan menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengenai sains dan teknologi untuk menyokong industri halal, pada Persidangan Antrabangsa Perniagaan dan Industri, Sains Halal (HASIB) 2012 di Hat Yai dari 13 hingga 15 Okt, katanya. -Bernama